

KEJOHANAN MTUN SPORTS MEET 2010

Kejohanan MTUN Sports Meet 2010 merupakan acara tahunan empat buah universiti teknikal di Malaysia iaitu Universiti Teknikal Melaka Malaysia (UTeM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) di bawah gabungan Malaysia Technical University Network (MTUN). Kejohanan MTUN Sports Meet 2010 telah berlangsung pada 24 hingga 26 Jun 2010 di mana pada tahun ini, UTHM telah dipilih sebagai penganjur.



Kontinjen UniMAP yang diketuai oleh En. Afizal Abu Othman telah menghantar atlet seramai 84 orang bagi menyertai 10 acara sukan dari 12 acara yang dipertandingkan. Bagi Kategori Pelajar sukan yang disertai ialah Bola Tampar (L), Futsal (L), Ergo Machine Rowing (L&W), dan Silat Seni (L&W) manakala bagi Kategori Staf Badminton Campuran, Tarik Tali (L), Catur Campuran dan Karom Campuran. Secara keseluruhan Kontingen UniMAP telah berjaya membawa pulang 1 Emas, 4 Perak, 5 Gangsa. Emas UniMAP berjaya diperolehi daripada Badminton Campuran (Staf), pingat Perak menerusi Tarik Tali (L), Futsal (Pelajar), Silat Regu (L), dan Silat Tempur Puteri (Pelajar) manakala pingat Gangsa menerusi Futsal (Staf), Karom Campuran (Staf), Bola Tampar (L) (Pelajar), Silat Solo Puteri (Pelajar) dan Silat Tempur Putera (Pelajar).

Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah dipilih untuk menjadi tuan rumah untuk tahun 2011. Semoga Kontinjen UniMAP akan lebih cemerlang dan terus merangkul keseluruhan emas yang dipertandingkan.